

**UCAPAN PERASMIAN PENUTUPAN
YBHG.DATO HJ. ABDUL FATAH HJ. ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

**SEMPENA
MAJLIS DIALOG BERSAMA PENGETUA-
PENGETUA NEGERI PAHANG**

**TARIKH
29 OGOS 2016 (ISNIN)**

**TEMPAT
HOTEL GRAND CONTINENTAL, KUANTAN PAHANG**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Selamat Tengahari dan Salam 1Koperasi

Yang Dihormati Pengetua-Pengetua Negeri Pahang

Yang Berusaha Encik Ahmad Marzuki Ismail dan
Pegawai-Pegawai ANGKASA

**(TAMBAHAN SALUTASI AKAN DISEDIAKAN URUSETIA
PROGRAM)**

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Saya Hormati
Sekalian

1. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Bahagian Pembangunan, Kepimpinan dan Modal Insan Koperasi ANGKASA atas penganjuran Majlis Dialog

Bersama Pengetua-Pengetua Negeri Pahang dan menjemput saya untuk memberi ucapan.

2. Di kesempatan ini juga ingin saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua para Pengetua di Negeri Pahang yang dapat meluangkan masa hadir ke majlis dialog ini. Saya mengharapkan agar majlis ini dapat dijadikan medan untuk ANGKASA menyampaikan maklumat mengenai dasar-dasar baru yang berkaitan dengan koperasi sekolah dan bertukar-tukar pendapat atau fikiran bagi membangun dan menjayakan gerakan koperasi sekolah di negara kita.

3. Pada dasarnya, **majlis dialog ini diadakan khusus bagi membincangkan hala tuju perniagaan koperasi sekolah; permasalahan-permasalahan yang dihadapi; peluang-peluang perniagaan yang boleh diterokai; dan berkongsi idea serta pengalaman bagi menjayakan perniagaan koperasi sekolah.** Untuk makluman, program ini telah ditawarkan kepada semua Pengetua sekolah seluruh Malaysia. Sehingga kini, 8 program telah berjaya dilaksanakan.

4. Kenapa fokus program ini untuk Pengetua? Terdapat beberapa kajian yang dilakukan dan didapati bahawa Pengetua boleh menjadi pemangkin kepada penentu kejayaan sesebuah koperasi sekolah. Terdapat banyak koperasi-koperasi sekolah yang berjaya kerana Pengetuanya yang memberi sokongan, memahami dan terlibat secara langsung dalam berjalan dan mengembangkan koperasi sekolah.

5. Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa peranan guru penasihat koperasi adalah penting dalam mempengaruhi kemajuan koperasi sekolah terutamanya dari segi kelayakan, minat dan bersikap positif dalam memajukan koperasi sekolah. Minat guru yang tinggi dan berlatarbelakangkan di dalam bidang perakaunan, perniagaan dan ekonomi sangat memberi kesan kepada kejayaan koperasi sekolah.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian

6. Prestasi koperasi negara menunjukkan peningkatan yang amat memberangsangkan. **Statistik Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) setakat 31 Disember 2015 menunjukkan bilangan koperasi berjumlah sebanyak 12,769 buah koperasi dengan keahlian individu seramai 7.5 juta orang dan sumbangan perolehan kepada KDNK berjumlah sebanyak RM33.5 bilion. Pencapaian ini turut disumbangkan oleh 2,349 buah koperasi sekolah yang memberi sumbangan perolehan sebanyak RM333.32 juta.**

Koperasi sekolah bukan lagi semata-mata menjadi tempat untuk pelajar-pelajar kita menimba ilmu secara langsung dalam bidang perniagaan, keusahawanan dan mendalami nilai-nilai jati diri tetapi koperasi sekolah mampu bergerak secara bersama koperasi dewasa bagi menjana pendapatan dan memberi sumbangan kepada pendapatan negara tanpa mengeneipkan matlamat asal penubuhan.

7. 10 tahun yang lalu, aktiviti koperasi sekolah hampir keseluruhannya tertumpu sepenuhnya kepada kepenggunaan. Tetapi *trend* ini telah berubah dengan menunjukkan koperasi sekolah telah berjaya meluaskan aktiviti ke beberapa bidang lain yang sebelum ini diceburi koperasi dewasa seperti pertanian dan perkhidmatan. Terdapat enam koperasi sekolah terlibat dalam aktiviti pertanian dan daripada bilangan itu, lima daripadanya telah mendapat untung. Manakala 10 buah koperasi sekolah yang terlibat dalam perkhidmatan, tujuh daripadanya telah memperoleh keuntungan. Selebihnya banyak koperasi sekolah terlibat di dalam bidang kepenggunaan.

8. *Trend* ini menjelaskan kepada kita bahawa gerakan koperasi sekolah semakin aktif dan mampu menceburi bidang perniagaan yang boleh mendatangkan pulangan yang lumayan kepada koperasi serta faedah kepada warga sekolah khususnya para pelajar. Ini bermakna pencapaian koperasi sekolah mampu pergi jauh lagi khususnya di dalam bidang perniagaan.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian

9. Dalam memperkatakan tentang hal pembangunan koperasi sekolah, ANGKASA sangat mengambil berat dan prihatin kerana telah diberi kepercayaan sepenuhnya oleh SKM bagi membangunkan gerakan tersebut. Pembangunan termasuklah juga membantu membangunkan perniagaan koperasi sekolah selaras dengan tanggungjawab yang diamanahkan kepada ANGKASA dan ini termaktub di dalam perjanjian melalui Deklarasi Putrajaya yang memperuntukkan pembangunan perniagaan koperasi sekolah adalah di bawah tanggungjawab ANGKASA dan manakala tanggungjawab pendidikan koperasi dewasa diserahkan kepada Maktab Koperasi Malaysia.

10. Selaras dengan peranan ini juga, ANGKASA memfokuskan kepada usaha membangun dan mengembangkan perniagaan koperasi sekolah. Ini adalah bagi membantu melonjakkan pendapatan koperasi yang mampu memberi sumbangan yang berkesan kepada pendapatan negara dengan sasaran

sektor koperasi menyumbang sebanyak RM50 bilion menjelang tahun 2020. Dalam hal ini, gerakan koperasi sekolah mempunyai tanggungjawab yang sama dengan koperasi dewasa bagi merealisasikan hasrat kerajaan ini.

11. ANGKASA turut berhasrat untuk melahirkan lebih banyak lagi koperasi sekolah yang mampu menjana pendapatan melebihi RM1 juta setahun. Bagi tujuan ini, ANGKASA menyediakan pelbagai peluang dan ruang seperti menyediakan khidmat kepakaran, penyediaan kursus dan latihan serta pelbagai lagi perkhidmatan bagi memastikan tiada satu pun ahli ANGKASA yang terlepas dari memiliki peluang ini. Hasrat ini mungkin tidak mustahil kerana telah ada beberapa sekolah yang telah berjaya mencapai pendapatan yang tinggi melalui koperasi mereka.

12. Bagi menuju ke arah itu, ANGKASA telah berusaha memperkasakan gabungan koperasi sekolah di peringkat negeri dengan mewujudkan 'Jawatankuasa Gabungan Koperasi Sekolah Peringkat Kebangsaan'.

Gabungan ini diketuai oleh saya sendiri dan Naib-Naib Presiden ANGKASA yang lain. Pengerusi gabungan koperasi sekolah negeri adalah terdiri daripada wakil dari negeri Kedah, Melaka, Kelantan, Sarawak, Pahang dan Negeri Sembilan. Jawatankuasa ini ditubuhkan bagi tujuan merancang dan mencadangkan apakah bentuk perniagaan yang mempunyai impak yang tinggi dalam usaha mewujudkan sekurang-kurangnya 50 buah koperasi sekolah yang mampu mempunyai perolehan tahunan sebanyak RM1 juta menjelang tahun 2020.

13. Manakala bagi 15 buah koperasi sekolah yang terendah berdasarkan perolehan tahunan mereka telah dijemput untuk menghadiri Seminar Pengukuhan Koperasi Sekolah yang bertujuan bagi meningkatkan perolehan tahunan koperasi sekolah tersebut. Seminar tersebut telah diadakan mengikut zon di seluruh negara. Manakala bagi 15 buah koperasi sekolah yang mempunyai perolehan tertinggi, mereka dijemput bagi menghadiri Seminar Pemantapan Koperasi Sekolah yang diadakan mengikut zon. Kandungan seminar tersebut adalah yang berkaitan dengan peluang

koperasi meningkatkan perniagaan mereka dalam pelbagai aspek.

14. Walaupun fokus utama pembangunan koperasi sekolah adalah lebih menjurus kepada perniagaan, ANGKASA percaya melalui kejayaan perniagaan koperasi sekolah dengan sendirinya pendidikan dan pembelajaran akan dapat diperolehi dengan jayanya oleh pelajar-pelajar tersebut. Ia umpama serampang dua mata yang saling bertimbal balik iaitu pendidikan anggota. Anggota berilmu akan mengembangkan koperasi dan seterusnya perniagaan koperasi. Begitulah juga sebaliknya, jika perniagaan koperasi sekolah berjaya, banyak yang boleh dilakukan oleh koperasi untuk kebaikan anggota-anggota dan komuniti.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian

15. Kita mahu menjadikan kejayaan koperasi negara kita lebih bermakna dan berterusan. Tugas ini menjadi tugas bersama kita semua. Kita juga mengakui kejayaan koperasi sekolah sebelum ini adalah hasil komitmen

padu semua pemimpin-pemimpin koperasi di semua peringkat Kementerian Pendidikan, Suruhanjaya Koperasi Malaysia, pemimpin-pemimpin koperasi peringkat sekolah dan ANGKASA sendiri. Saya mengharapkan sokongan dan komitmen ini akan berterusan demi pembangunan modal insan koperasi dan gerakan koperasi negara.

16. Akhir kata, saya mengharapkan agar Majlis Dialog Bersama Pengetua Negeri Pahang ini dapat mencapai objektif yang disasarkan dan memberi impak berguna kepada semua yang terlibat. Saya berharap agar melalui pertemuan ini, semangat dan peranan yang ingin dicapai melalui koperasi sekolah dapat dihayati dengan lebih lagi. Semoga impian murni kita untuk melihat gerakan koperasi sekolah maju ke hadapan akan terlaksana dan mencapai kejayaan yang cemerlang akhirnya.

17. Saya dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim
**MERASMIKAN MAJLIS PENUTUPAN DIALOG
BERSAMA PENGETUA NEGERI PAHANG.**

Sekian, Wabillah Hitaufik Walhidayah

Assalamu'alaikum warahmatullah Hiwabarakatuh